



**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG  
MELALUI PROSES JAWATANKUASA KHAS  
PENILAIAN PERKHIDMATAN PROFESIONAL KESIHATAN**

**PERATURAN 38 (b)**

**HANYA DIBUKAKAN BAGI PEMOHON DARIPADA KALANGAN PEGAWAI DAN  
KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DI KEMENTERIAN / JABATAN DI  
MANA KEKOSONGAN JAWATAN DIIKLANKAN SAHAJA.**

**KETUA PEGAWAI SAINTIFIK (B.3)  
JABATAN PERKHIDMATAN SAINTIFIK  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH IKLAN: 09 MAC 2024  
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 23 MAC 2024  
BILANGAN IKLAN: 2024/MAR/05**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Kementerian Kesihatan.**
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana- mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**KETUA PEGAWAI SAINTIFIK  
JABATAN PERKHIDMATAN SAINTIFIK  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Sains atau bidang bersesuaian.  
  
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan sebagai Pegawai Saintifik atau jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 / M.13-14 EB.15 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

2. **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji M.11 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Memastikan keperluan-keperluan sistem pengurusan dilaksanakan dan dasar kualiti dipatuhi;
2. Memastikan kualiti dalam sistem pengurusan dipenuhi, dicapai dan dikekalkan;
3. Mengenal pasti sebarang pelencongan dari sistem pengurusan atau prosedur dan menjalankan tindakan-tindakan bagi menghindari dan mengurangi kejadian pelencongan sedemikian;
4. Menyediakan program latihan atau mengadakan kursus ulang kaji bagi kakitangan makmal;



5. Bertanggungjawab dalam pengurusan makmal termasuk penilaian keperluan makmal, merancang dan mengurus pembelian peralatan dan barang keperluan termasuk bahan kimia, *reagents* dan lain-lain;
6. Membantu menyediakan rancangan belanjawan tahunan bagi peralatan, barang keperluan dan kakitangan;
7. Bertanggungjawab memastikan kesempurnaan kajian / ujian makmal dengan mengawasi kawalan mutu (*quality control*);
8. Memperkenalkan dan memperbaiki teknik-teknik ujian makmal;
9. Bertanggungjawab ke atas kajian / ujian makmal yang melibatkan kes-kes mahkamah;
10. Menyediakan laporan dan maklum balas bagi isu-isu berkaitan kualiti, perancangan, prosedur-prosedur laporan tahunan dan lain-lain;
11. Membantu mengendalikan seminar / bengkel untuk Jabatan yang melibatkan pakar atau penceramah dari dalam dan luar negara;
12. Menyediakan dan menghadapkan laporan penilaian prestasi kerja kakitangan di bawah jagaannya; dan
13. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

**Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada  
Urus Setia Bahagian Pengurusan Sumber Tenaga Manusia,  
Jabatan Pentadbiran, Kementerian Kesihatan seperti berikut:**

**Alamat : BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA,  
JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN,  
KEMENTERIAN KESIHATAN,  
JALAN MENTERI BESAR,  
BANDAR SERI BEGAWAN, BB3910,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Emel : [hr.secretariat@moh.gov.bn](mailto:hr.secretariat@moh.gov.bn)**

**No. Tel : 2383020**